

Kaedah Pembelajaran Sejarah Berasaskan Lawatan Ke Muzium

Nur Syazwani Abdul Talib
wanie0513@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

Kamarulzaman Abdul Ghani,
kamarulzaman@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

Nur Azuki Yusuff
azuki@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan dapat menarik minat pelajar terhadap pembelajaran Sejarah. Mempelajari sejarah mempunyai pelbagai kepentingan yang dapat diterapkan dalam diri pelajar. Melalui lawatan ke muzium pemahaman dan minat pelajar terhadap sejarah akan dapat ditingkatkan. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang merangkumi tiga komponen iaitu demografi responden, tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium bagi pembelajaran sejarah. Seramai 44 orang pelajar tingkatan Empat daripada aliran sains di salah sebuah sekolah menengah di Sarawak telah dijadikan sampel kajian. Dapatan mendapati tahap sikap pelajar terhadap sejarah dan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium adalah sederhana dan tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap pelajar dengan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium. Justeru, kajian terperinci dan komprehensif perlu dilakukan bagi memastikan semua pelajar mempunyai motivasi yang tinggi dan meminati mata pelajaran Sejarah.

Kata Kunci: sikap; minat; lawatan ke muzium; pembelajaran; sejarah

History Learning Method Based on Museum Visits

ABSTRACT

Effective teaching and learning methods will be able to attract students to learn history. Studying history has a variety of benefits that can be applied to students. Through visits to the museum students' understanding and interest in History can be improved. This study employed a questionnaire instrument which consists of three components, which are respondents' demographics, students' attitudes towards history subjects and students' interest in making museum visits a part of historical learning. A total of 44 form Four students from the science stream in one of the secondary schools in Sarawak were selected for this study. The findings show that students' attitudes towards history and students' interest in making museum visits are moderate and high. There is a significant relationship between the level of student attitudes and the students' interest in visiting the museum. Hence, more detailed and comprehensive studies need to be conducted to ensure that all students have high motivation and interest in history subjects.

Keywords: attitude; interest; museum visits; learning; history

PENGENALAN

Pendidikan Sejarah bukan semata-mata untuk pengetahuan tetapi melalui peristiwa yang berlaku pelbagai iktibar yang dapat diperolehi melaluinya. Mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua pelajar di sekolah menengah dan wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan mewajibkan mata pelajaran Sejarah ini telah membuktikan bahawa mata pelajaran Sejarah adalah penting untuk dipelajari memandangkan dengan mempelajari sejarah dapat mendatangkan pelbagai kebaikan kepada pelajar. Melalui peristiwa yang telah berlaku pelajar akan mendapat pengajaran dan menghargai tokoh-tokoh terdahulu yang telah memberikan sumbangan kepada negara. Peristiwa yang telah berlaku juga dapat dijadikan iktibar untuk melakar masa depan supaya sejarah tidak berulang lagi dan menjadi asas dalam membentuk perpaduan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999).

Sejarah boleh dijadikan asas pembinaan bangsa melalui beberapa proses iaitu 1) sejarah sebagai asas membentuk kesinambungan (Muhd. Yusuf Ibrahim, 1994; Abd. Rahim, 1999) 2) sejarah asas membentuk perpaduan 3) sejarah asas pembinaan negara bangsa 4) sejarah asas mengorak perubahan sosial, ekonomi bangsa dan negara 5) sejarah sebagai sumber inspirasi, dan 6) sejarah sebagai alat kesedaran dan pembinaan semangat bangsa (Abd. Rahim, 1999). Beberapa perkara yang memainkan peranan dalam menentukan hasil atau matlamat pendidikan tercapai adalah kandungan buku teks, kaedah penyampaian, pedagogi, penggunaan sumber, kemahiran guru dan sikap pelajar sendiri (Mansor Mohd. Noor dan Khairul Ghufuran Kaspin, 2015). Pendidikan sejarah bertujuan memupuk semangat setia negara selain merasa bangga menjadi rakyat Malaysia. Kurikulum yang disusun adalah mengikut kronologi bertujuan memberikan gambaran penuh mengenai sejarah negara dan hubung kaitnya dengan sejarah negara luar (Ahamad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razaq Ahmad, Zahara Aziz dan Sharifah Nur Puteh, 2011).

Objektif pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar 1) memahami perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial 2) menghargai ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Melayu serta mengamalkannya 3) menghargai sumbangan tokoh dalam memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan serta membangunkan negara 4) mempunyai kesedaran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini 5) menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional 6) mempertingkatkan daya pemikiran berasaskan iktibar daripada pengalaman sejarah; dan 7) mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan serta kemajuan negara (Ariegusrini Agus dan Mohamad Johdi Salleh, 2009).

Kandungan kurikulum Sejarah digubal untuk memberikan beberapa gambaran iaitu 1) sejarah sebagai satu proses evolusi peradaban manusia yang bersambungan 2) sejarah merupakan penghubung masa kini dengan masa lampau 3) sejarah sebagai satu proses inkuiri; dan 4) sejarah merupakan proses mencari kebenaran berdasarkan fakta yang sahih (Persatuan Sejarah Malaysia, 1992). Penekanan telah diberikan terhadap beberapa aspek dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi mata pelajaran Sejarah seperti kesepaduan di antara pengetahuan, nilai dan kemahiran, pemahaman idea dan konsep sejarah, pemupukan nilai dan sikap, peningkatan kemahiran belajar serta perkembangan potensi dan intelek pelajar (Persatuan Sejarah Malaysia, 1992). Justeru itu, pembelajaran yang melibatkan pelajar secara aktif akan meningkatkan motivasi dan minat pelajar dalam mempelajari sejarah.

Melalui lawatan ke muzium pelajar akan dapat melakukan aktiviti yang memerlukan pelajar bergerak dan aktif dalam pembelajaran yang dijalankan di muzium. Muzium merupakan tempat mengumpul koleksi yang unik dan berharga kepada negara (Nor Hanisah Ahmad, 2011). Koleksi yang ada di muzium akan membolehkan pelajar melihat dan menyentuh semasa sesi lawatan yang diadakan dan ini memberikan kelainan dalam kaedah pembelajaran sejarah. Justeru pembelajaran melalui lawatan ke muzium akan mendatangkan pelbagai kelebihan kepada pelajar. Pembelajaran di muzium akan memberikan kesan yang berkekalan kepada pelajar dan menyeronokkan kerana mempamerkan koleksi yang unik. Pendidikan di muzium disebut oleh para sarjana sebagai pendidikan muzium (Woodhead & Geoffrey, 1994 dalam Ab Samad Kechot, Zuraidah Hassan dan Yusmilayati Yunos, 2010). Terdapat dua bentuk pendidikan muzium iaitu pendidikan formal melalui program seperti ceramah dan penggunaan koleksi muzium untuk menjelaskan sesuatu dan pendidikan tidak formal melalui kunjungan biasa (Ab Samad, Zuraidah dan Yusmilayati, 2010).

PERNYATAAN MASALAH

Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang kurang diminati dalam kalangan pelajar. Pelajar mengatakan bahawa mata pelajaran Sejarah terlalu padat dengan fakta-fakta sejarah (Rupawan Ahmad, 1990; Zahara Aziz & Nurliah Jair, 2009). Namun mata pelajaran Sejarah telah dijadikan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat SPM dan ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada semua pihak (Mohd Samsudin dan Shahizan Shaharudin, 2012). Justeru itu bagi menarik minat pelajar terhadap sejarah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pelajar secara aktif perlu dilaksanakan. Pembelajaran aktif adalah melalui penglibatan pelajar dalam melakukan pelbagai aktiviti pembelajaran (Ariegusrini dan Mohd Johdi, 2009). Salah satu kaedah pembelajaran sejarah yang melibatkan pelajar secara aktif yang boleh dilakukan adalah melalui lawatan ke muzium.

Selain itu, guru kurang kreatif dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah. Kaedah pengajaran masih lagi berpusatkan guru dan menyebabkan pelajar tidak aktif dalam pembelajaran sejarah (Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahman dan Nur Atiqah T. Abdullah, 2009). Guru lebih banyak menggunakan buku teks semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sejarah (Mohd Samsudin dan Shahizan, 2012; Sharipah Aini Jaafar dan Arba'iyah Mohd Noor, 2016). Guru juga kurang mahir dalam menggunakan kaedah inkuiri penemuan. Tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran guru sejarah terhadap penggunaan kaedah inkuiri penemuan berada pada tahap sederhana (Siva Sankar Mahalingam dan Mohd Isa Hamzah, 2016). Menurut Cropley (1992) kreativiti mempunyai tiga teras utama iaitu keaslian, keberkesanan dan beretika. Guru yang kreatif perlu mengetahui tahap pemikiran dan pengalaman pelajar selain membuat persediaan awal pengajaran bagi menyusun strategi atau kaedah yang akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (Ariegusrini dan Mohd Johdi, 2009).

Dengan itu, kaedah pembelajaran melalui koleksi yang ada di muzium akan mampu menarik minat pelajar untuk terlibat secara aktif semasa sesi pembelajaran. Penglibatan pelajar secara aktif akan menimbulkan keseronokan semasa belajar mata pelajaran Sejarah. Hal ini kerana dalam kalangan pelajar mata pelajaran Sejarah sering dianggap membosankan (Anuar, Siti Haishah dan Nur Atiqah, 2009). Muzium mempunyai kaedah dan material yang bersesuaian di dalam simpanannya. Melalui lawatan yang diadakan pelajar akan mampu melihat sendiri koleksi yang ada dan cuba mengaitkan dengan pelajaran yang telah mereka pelajari. Pembelajaran melalui objek juga akan meningkatkan daya imaginasi pelajar (Lasky, 2009). Program muzium dan muzium yang hebat boleh menimbulkan minat pengunjung dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus belajar selepas lawatan (Sawyer, 1996).

Di samping itu, lawatan ke muzium juga akan dapat mengangkat peranan institusi muzium. Muzium bukan semata-mata hanya sebuah bangunan tetapi di dalamnya mempunyai makna sejarah yang tersendiri dan perlu dihargai oleh setiap orang. Koleksi yang dipamerkan di muzium mampu memberikan gambaran yang jelas mengenai peristiwa yang berlaku dan bersesuaian dengan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Justeru itu, penglibatan muzium dalam pendidikan sejarah akan dapat memberikan kepentingan kepada muzium dan pendidikan dalam melahirkan pelajar yang mempunyai motivasi dan minat terhadap sejarah selain turut menjadikan pelajar seorang yang menghargai sumbangan tokoh terdahulu dan cintakan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.
- ii. Menentukan tahap minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara sikap dengan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium.

LITERATUR KAJIAN

Kajian mengenai sikap pelajar tingkatan Empat terhadap sejarah telah dilakukan oleh Norliza Abdul Majid (2003). Dapatan kajian mendapati bahawa sikap, minat, pengajaran guru dan masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah faktor penting dalam meningkatkan kesedaran pelajar untuk mempelajari sejarah. Dalam kajian ini, pelajar mengatakan bahawa sejarah adalah penting untuk dipelajari namun dalam kalangan mereka masih terdapat lagi pelajar yang mengatakan bahawa mata pelajaran Sejarah membosankan. Tetapi terdapat sebilangan pelajar yang meminati peristiwa sejarah yang dipaparkan di dalam buku. Dapatan kajian juga mendapati aspek pengajaran guru memberikan kesan terhadap minat pelajar untuk mempelajari sejarah. Pengajaran guru akan mempengaruhi sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Teknik pengajaran yang berkesan melalui penggunaan bahan bantu mengajar boleh meningkatkan pemahaman dan minat pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Zahara Aziz dan Nurliah Jair (2009) telah mendapati bahawa penggunaan peta konsep telah meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan peta konsep. Kajian yang dilakukan dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca telah mendapati bahawa pencapaian pelajar adalah berbeza bagi kedua-dua ujian tersebut. Pelajar menerima dengan baik penggunaan peta konsep dalam pengajaran dan pembelajaran dan telah meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Tika Ali Ashmad (2018) telah menjalankan kajian mengenai pengaruh pengajaran guru dan sikap akademik pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi pelajar (KBAT) tingkatan Empat. Secara keseluruhan kajian mendapati sikap akademik dan gaya pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan serta pengaruh terhadap KBAT pelajar. Kepelbagaian pengajaran yang digunakan oleh guru mempengaruhi sikap akademik pelajar dan dapat mencabar daya pemikiran pelajar. Di samping itu, kajian turut mendapati sikap akademik pelajar terhadap KBAT mempunyai hubungan yang positif. Sikap akademik yang ada dalam diri pelajar telah menggalakkan pelajar untuk meneroka KBAT. Dengan itu, pelajar mampu menjana idea-idea pemikiran yang kreatif dan kritis. Pembelajaran sejarah menjadi seronok dengan menggunakan kepelbagaian KBAT.

Lezah Kiamsin dan Rosy Talin (2018) telah melaksanakan kajian berkaitan kaedah pengajaran sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. Hasil kajian mendapati pelajar menyatakan kaedah pembentangan, sesi soal jawab, *Gallery Walk* dan perbahasan merupakan

kaedah yang diminati dalam pembelajaran sejarah. Pelajar menyatakan kaedah perbahasan menjana pemikiran kritis dan berupaya membina pemikiran aras tinggi. Kaedah pembentangan pula akan melibatkan pelajar secara menyeluruh bagi menyiapkan tugas dalam kumpulan dan perkara ini menggalakkan penglibatan aktif dalam belajar sejarah. Kaedah *Gallery Walk* pula dapat menarik minat pelajar kerana banyak komunikasi antara pelajar dan berkesan dalam pembelajaran sejarah bagi mengelakkan rasa bosan belajar sejarah. Kaedah ini juga akan menggalakkan kerjasama antara pelajar dalam menyiapkan tugas dan menjadikan pelajar berdikari serta aktif dalam pembelajaran sejarah.

Selain itu, kajian Mohamad Johdi Salleh dan Ariegusrini Agus (2009) menyatakan rasional dan kepentingan kaedah lawatan adalah akan melibatkan banyak aktiviti yang memerlukan pelajar aktif dalam setiap aktiviti yang dilakukan. Pelajar akan dapat melihat koleksi yang ada dan dapat membuktikan kebenaran tentang apa yang telah dipelajari. Melalui lawatan ke tempat bersejarah pelajar akan mendapat pengalaman pembelajaran secara langsung dan proses pembelajaran akan menyeronokkan. Kefahaman pelajar terhadap konsep dan nilai dalam mata pelajaran Sejarah akan meningkat. Kaedah lawatan akan membolehkan pelajar melakukan inkuiri dan meningkatkan pencapaian terhadap kemahiran sejarah seterusnya minat terhadap sejarah juga akan dapat ditingkatkan (Mohamad Johdi dan Ariegusrini, 2009). Teknik pengajaran guru seperti teknik lawatan, teknik berbantuan komputer dan teknik permainan merupakan teknik-teknik pengajaran yang paling disukai pelajar (Saedah Siraj dan Ahmad Sabri Shuib, 2004).

Pendidikan yang berlaku di muzium juga disebut sebagai pendidikan muzium. Pendidikan muzium akan melengkapkan pendidikan secara formal di sekolah (Ab Samad Kechot, Zuraidah Hassan dan Yusmilayati Yunos, 2010). Pendidikan muzium bukan sahaja memberikan keseronokan kepada pelajar malah akan meninggalkan kesan yang berkekalan. Koleksi yang ada di muzium akan menarik minat pelajar untuk mempelajari sejarah. Objek yang dipamerkan merupakan bahan warisan negara. Melaluinya pelajar akan dapat menyentuh artifak yang dipamerkan dan akan mengaitkan dengan pembelajaran yang telah berlangsung. Pembelajaran di muzium akan berlangsung melalui koleksi, pameran, *lectures and talk*, mengadakan kelas mengikut subjek, penerbitan dan *teach and touch concept* (Ab Samad, Zuraidah dan Yusmilayati, 2010).

Kajian mengenai muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal dalam mata pelajaran sejarah telah mendapati bahawa muzium dapat dijadikan satu kaedah dalam pembelajaran sejarah bagi menarik minat pelajar terhadap sejarah (Mohd Azmi Mohd Yusof dan Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff, 2012). Pembelajaran di muzium akan memberikan ruang kepada pelajar untuk meneroka dan menjalankan penyiasatan semasa aktiviti pembelajaran dilaksanakan. Pembelajaran di muzium akan melengkapkan pembelajaran di bilik darjah melalui pengalaman baru pelajar untuk lebih memahami peristiwa sejarah menerusi bukti yang ada di muzium dan kefahaman pelajar juga akan dapat ditingkatkan.

Kajian mengenai muzium turut dilakukan untuk mengetahui tahap keberkesanan lawatan ke muzium, minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium dan tahap kemahiran pemikiran sejarah terhadap pembelajaran sejarah di muzium. Hasil kajian mendapati bahawa lawatan ke muzium dapat menarik minat pelajar terhadap sejarah dan meningkatkan tahap pemikiran sejarah. Pembelajaran melalui lawatan ke muzium telah memberikan kesan positif terhadap pembelajaran sejarah (Siti Suzainah Muhamad dan Abdul Razaq Ahmad, 2015). Dapatan kajian mendapati bahawa tahap keberkesanan lawatan ke muzium berada pada tahap yang tinggi. Pelajar bersetuju pembelajaran di muzium dapat membantu mereka mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah negara dan mengembangkan imaginasi serta membantu proses pembelajaran di bilik darjah. Suasana pembelajaran di muzium juga menyeronokkan berbanding pembelajaran di bilik darjah dan ini dapat meningkatkan minat pelajar untuk

mempelajari sejarah. Lawatan ke muzium juga membantu pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran pemikiran sejarah. Pelajar dapat melakukan inkuiri semasa lawatan ke muzium (Siti Suzainah dan Abdul Razaq, 2015).

Lawatan ke muzium telah diadakan di Muzium Negara. Suasana pembelajaran yang selesa dan susunan galeri di muzium negara yang mengikut kronologi memudahkan pelajar untuk memahami topik yang lepas. Pelajar juga dapat menyentuh sendiri tekstur bukti sejarah kerana muzium mempunyai pameran bukti yang sebenar. Pelajar akan dapat melihat sendiri apa yang mereka pelajari selama ini di dalam buku teks (S. Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Isa Hamzah dan Noor Wahida Hasan, 2017). Melalui aktiviti yang dilakukan dalam galeri muzium iaitu aktiviti *Treasure Hunt* yang dibahagikan kepada dua tugas iaitu menjawab soalan dan amali pelajar merasa seronok mempelajari sejarah. Selain itu, pelajar mendapat pengetahuan baru kerana galeri muzium negara mempunyai sumber yang tidak terdapat di dalam buku teks sejarah. Tugas yang dilakukan oleh pelajar memerlukan pelajar aktif di dalam pembelajaran kerana bergerak ke setiap galeri dan ini dapat membantu pelajar untuk mengulang kaji pembelajaran secara tidak langsung dan memberikan pengetahuan kepada pelajar pada topik yang akan dipelajari semasa di tingkatan seterusnya (S. Azman et al, 2017).

Selain itu, program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang dilaksanakan dapat membantu memupuk semangat cintakan negara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar. Pelaksanaan program ini akan menjadikan masyarakat lebih mengetahui sejarah negara selain dapat melihat dan memahami koleksi yang dipamerkan. Projek rintis Modul IPIM yang dilaksanakan hampir sebulan pada Mei 2015 terbukti berjaya dilaksanakan dan merupakan landasan terbaik dalam mengenal lebih mendalam sejarah negara. Pembabitn pelajar dalam program ini dapat meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran sejarah dan menjadikan pembelajaran sejarah lebih menyeronokkan (Petah Wazzan Iskandar, 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Data yang dimanipulasikan melalui ujian atau soal selidik adalah lebih mudah diuruskan dan diproses untuk dianalisis (Johari Hassan dan Fazliana Rashida, 2011). Justeru itu, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik yang meliputi demografi responden, sikap pelajar terhadap sejarah, dan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium. Data telah dikumpulkan melalui soal selidik yang ditadbir di sekolah oleh penyelidik. Seramai 44 orang (dipilih daripada 50 orang) pelajar aliran sains daripada salah sebuah sekolah di Sarawak telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah berdasarkan saranan Krejcie & Morgan (1970) dalam 'Determining Sample Size for Research Activities'. Responden kajian adalah merupakan pelajar tingkatan Empat aliran sains di salah sebuah sekolah menengah harian di Sarawak. Masa yang diambil untuk mentadbir soal selidik adalah satu masa tertentu sahaja dan dapat menjimatkan masa kerana tempoh mentadbir adalah singkat serta tidak memerlukan tindakan susulan terhadap responden (Rabaishah, 1999).

Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik kerana penggunaan borang soal selidik adalah lebih efektif dan mudah untuk penyelidik menjalankan kajiannya (Mohamad Najib, 1999). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen yang digunakan oleh Norliza (2003) dan Siti Suzainah dan Abdul Razaq (2015). Set borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti untuk dijadikan sampel. Pensampelan akan menjimatkan masa penyelidik untuk memasukkan data berbanding menggunakan populasi yang melibatkan kawasan yang luas dan data yang banyak (Fraenkel & Wallen, 2006). Soal selidik yang baik akan mampu merangkumi

keseluruhan kajian dan tidak menimbulkan keraguan serta mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Neuman, 1991).

Item-item dalam soal selidik pada Bahagian B dan Bahagian C menggunakan Skala Likert 5 poin iaitu ‘Sangat Tidak Setuju’, ‘Tidak Setuju’, ‘Kurang Setuju’, ‘Setuju’, dan ‘Sangat Setuju’. Skala Likert mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi kerana responden boleh memilih jawapan yang mereka kehendaki (Mohd Majid, 1993 dalam Rabaishah, 1999). Keputusan analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai alfa Cronbach bagi setiap bahagian adalah tinggi iaitu Bahagian B (.632) dan Bahagian C (.901). Nilai yang diperoleh ini adalah menghampiri 1.00. Hal ini menunjukkan bahawa item-item dalam skala tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai korelasi Pearson juga ditentukan melalui program SPSS 20.

Bagi tujuan interpretasi tahap sikap pelajar tingkatan Empat dan tahap minat dalam membuat lawatan ke muzium, skor min yang diperoleh di kod semula kepada tiga tahap: rendah, sederhana, dan tinggi (Pallant, 2007).

JADUAL 1: Interpretasi Skor Min Sikap/Minat Pelajar

| Skor Min | Interpretasi (tahap) |
|-------------|----------------------|
| 1.00 - 2.33 | Rendah |
| 2.34 - 3.66 | Sederhana |
| 3.67 - 5.00 | Tinggi |

Sumber: Pallant (2007)

DAPATAN KAJIAN

Tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah

Jadual 2 menunjukkan skor min tahap sikap pelajar tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Sejarah. Item ini adalah untuk melihat sejauh manakah tahap sikap pelajar Tingkatan Empat di salah sebuah sekolah menengah di Sarawak terhadap mata pelajaran Sejarah. Merujuk kepada Jadual 2, skor min bagi item ‘mempelajari mata pelajaran Sejarah adalah penting’ adalah pada tahap tinggi iaitu 4.61 manakala skor min yang paling rendah adalah 1.70 iaitu bagi item ‘mempelajari mata pelajaran Sejarah hanya membuang masa’. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap sikap pelajar tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Sejarah adalah pada tahap sederhana iaitu 3.37.

JADUAL 2: Skor Min Tahap Sikap Pelajar terhadap Mata Pelajaran Sejarah

| Item | N | Min | Tafsiran |
|---|----|------|-----------|
| Saya suka belajar mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.57 | Sederhana |
| Mata pelajaran Sejarah senang dipelajari | 44 | 3.09 | Sederhana |
| Tidak perlu menghadiri kelas tuisyen untuk mata pelajaran Sejarah | 44 | 2.36 | Sederhana |
| Mata pelajaran Sejarah membosankan | 44 | 2.70 | Sederhana |

| | | | |
|--|----|------|-----------|
| Mempelajari mata pelajaran Sejarah adalah penting | 44 | 4.61 | Tinggi |
| Perbincangan dengan rakan-rakan mengenai mata pelajaran Sejarah selalu dilakukan | 44 | 2.98 | Sederhana |
| Pengajaran guru sejarah saya mudah diikuti | 44 | 3.80 | Tinggi |
| Sekiranya terdapat masalah berkaitan mata pelajaran Sejarah, saya sentiasa bertanya guru | 44 | 3.05 | Sederhana |
| Saya sentiasa menunggu masa mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.07 | Sederhana |
| Saya sentiasa gembira belajar mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.50 | Sederhana |
| Mempelajari mata pelajaran Sejarah hanya membuang masa | 44 | 1.70 | Rendah |
| Saya selalu membaca bahan bacaan tambahan berkaitan mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.02 | Sederhana |
| Sukar mengingati tarikh dalam mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.68 | Tinggi |
| Sukar mengingati nama tokoh dalam mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.59 | Sederhana |
| Saya selalu membuat catatan dan nota ringkas semasa mempelajari mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.27 | Sederhana |
| Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh guru membantu saya memahami mata pelajaran Sejarah | 44 | 3.93 | Tinggi |
| Saya lebih mudah mengingati fakta-fakta sejarah berbanding mata pelajaran lain | 44 | 2.86 | Sederhana |
| Pengetahuan sejarah berguna dalam kehidupan seharian | 44 | 4.11 | Tinggi |
| Saya ingin mempelajari sejarah setinggi yang boleh | 44 | 3.93 | Tinggi |
| Mata pelajaran Sejarah dapat memberikan pengajaran kepada kita | 44 | 4.48 | Tinggi |
| Min Keseluruhan | | 3.37 | Sederhana |

Tahap minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium

Jadual 3 menunjukkan skor min tahap minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium. Merujuk kepada Jadual 3, kesemua item berada pada tahap tinggi. Namun daripada kesemua item tersebut item yang mempunyai skor min paling tinggi adalah item 'pembelajaran akan lebih menyeronokkan melalui lawatan ke muzium' iaitu 4.61 manakala item yang paling rendah adalah 4.11 iaitu bagi item 'akan dapat mengukuhkan dan menghubungkan kait pengetahuan mata pelajaran Sejarah' dan juga 'akan memberikan kemudahan dalam menyiapkan tugas'. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap minat pelajar adalah 4.37.

JADUAL 3: Skor Min Tahap Minat Pelajar dalam Membuat lawatan ke Muzium

| Item | N | Min | Tafsiran |
|--|----|------|----------|
| Kefahaman pelajar mengenai peristiwa sejarah akan dapat ditingkatkan melalui lawatan ke muzium | 44 | 4.43 | Tinggi |
| Lawatan ke muzium akan dapat membantu pembelajaran dalam bilik darjah | 44 | 4.39 | Tinggi |
| Pembelajaran di muzium akan memudahkan pemahaman konsep sejarah | 44 | 4.27 | Tinggi |

| | | | |
|--|----|------|--------|
| Pembelajaran akan lebih menyenangkan melalui lawatan ke muzium | 44 | 4.61 | Tinggi |
| Akan dapat memperkukuhkan daya ingatan | 44 | 4.25 | Tinggi |
| Akan dapat mengukuhkan dan menghubungkan kait pengetahuan mata pelajaran Sejarah | 44 | 4.11 | Tinggi |
| Lawatan akan dapat membantu saya mengumpulkan maklumat mengenai sejarah negara | 44 | 4.57 | Tinggi |
| Akan memberikan kemudahan dalam menyiapkan tugas | 44 | 4.11 | Tinggi |
| Lawatan akan mengembangkan imaginasi dan daya cipta pelajar | 44 | 4.48 | Tinggi |
| Akan melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran sejarah | 44 | 4.43 | Tinggi |
| Min Keseluruhan | | 4.37 | Tinggi |

Hubungan antara sikap dengan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium

Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar tingkatan Empat terhadap sejarah dengan minat mereka dalam membuat lawatan ke muzium ($r_{.05}(42) = 0.412$, $p < 0.05$). Oleh itu, H_0 ditolak.

JADUAL 4: Hubungan Antara Skor Tahap Sikap Pelajar Dengan Minat dalam Membuat Lawatan ke Muzium

| | Minat terhadap lawatan muzium |
|--------------------------|-------------------------------|
| Skor tahap sikap pelajar | |
| Korelasi Pearson | 0.412* |
| <i>P</i> | .005 |
| <i>N</i> | 44 |

*Signifikan pada aras 0.05

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah

Dalam kajian ini, skor min tahap sikap pelajar terhadap sejarah masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan kepada taburan skor min item tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah yang diperolehi, didapati 7 daripada 20 item mempunyai skor min tinggi adalah item 'mempelajari mata pelajaran Sejarah adalah penting', 'pengajaran guru sejarah saya mudah diikuti', 'sukar mengingati tarikh dalam mata pelajaran Sejarah', 'penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru membantu saya memahami mata pelajaran Sejarah', 'pengetahuan sejarah berguna dalam kehidupan seharian', 'saya ingin mempelajari sejarah setinggi yang boleh' dan 'mata pelajaran Sejarah dapat memberikan pengajaran kepada kita' berada pada tahap yang tinggi. Manakala skor min yang paling rendah adalah bagi item 'mempelajari mata pelajaran Sejarah hanya membuang masa'. Dengan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menyedari bahawa mata pelajaran Sejarah adalah penting untuk dipelajari. Namun dalam kalangan pelajar masih terdapat lagi mereka yang menyatakan mata pelajaran Sejarah adalah membosankan.

Kajian ini menyamai dengan kajian yang dilakukan oleh Norliza (2003) yang menunjukkan pelajar menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah dalam kehidupan seharian dan dapat memberikan pengajaran yang berguna. Selain daripada masih terdapat pelajar yang

menyatakan mata pelajaran Sejarah membosankan untuk dipelajari. Dapatan kajian ini mengenai bahan bantu mengajar selari dengan kajian yang dilakukan oleh Zahara Aziz dan Nurliah Jair (2009) menyatakan bahawa melalui penggunaan bahan bantu mengajar seperti peta konsep telah meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari Sejarah. Pelajar menunjukkan sikap positif terhadap pengajaran yang menggunakan peta konsep dalam mata pelajaran Sejarah sehingga meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Di samping itu, pelajar bersikap positif terhadap kepelbagaian gaya pengajaran yang dilakukan oleh guru sejarah. Kepelbagaian teknik yang digunakan oleh guru sejarah telah mempengaruhi sikap pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dan dapat mencabar daya pemikiran pelajar dalam pembelajaran sejarah (Tika, 2018).

Tahap minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium

Dapatan kajian mendapati bahawa kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Dengan itu bermakna pelajar bersetuju bahawa lawatan ke muzium akan dapat meningkatkan minat mereka terhadap sejarah. Daripada kesemua item, pelajar bersetuju bahawa pembelajaran akan lebih menyeronokkan melalui lawatan ke muzium. Dapatan ini menyamai dengan kajian yang dilakukan oleh Mohamad Johdi Salleh dan Ariegusrini Agus (2009) yang mengatakan bahawa melalui lawatan ke tempat bersejarah pelajar akan mendapat kefahaman, kemahiran dan penghayatan terutamanya apabila lawatan yang diadakan adalah melibatkan perkara yang dipelajari di sekolah. Begitu juga dengan dapatan oleh Ab Samad, Zuraidah dan Yusmilayati, (2010) bahawa pendidikan muzium akan mendatangkan keseronokan kepada pelajar. Pelajar akan merasa seronok belajar di muzium melalui penerokaan dan penyiasatan yang dilakukan semasa melakukan aktiviti pembelajaran. Pembelajaran di muzium juga akan melengkapkan pembelajaran di bilik darjah dan kefahaman pelajar akan meningkat (Mohd Azmi dan Miti Fateema, 2012).

Selain itu, kajian oleh Siti Suzainah dan Abdul Razaq (2015) juga memberikan dapatan yang sama iaitu pembelajaran di muzium dapat meningkatkan minat, tahap pemikiran sejarah dan mempengaruhi pembelajaran pelajar terhadap sejarah. Begitu juga dengan kajian oleh S. Azman et al (2017) bahawa pembelajaran di muzium telah mendatangkan keseronokan kepada pelajar. Aktiviti yang dilakukan telah melibatkan pelajar secara aktif dan menarik minat pelajar untuk mempelajari sejarah. Pelajar juga dapat menambahkan pengetahuan baru dalam sejarah serta secara tidak langsung lawatan ke muzium membolehkan pelajar mengulang kaji sejarah. Lezah dan Rosy (2018) menyatakan kaedah *Gallery Walk* dapat menarik minat pelajar terhadap sejarah kerana menggalakkan komunikasi antara pelajar dan dapat menghilangkan rasa bosan belajar sejarah. Kaedah ini juga menggalakkan kerjasama antara pelajar dalam menyiapkan tugas dan ini menjadikan pelajar aktif dalam pembelajaran sejarah. Di samping itu, pembabitan guru dan pelajar dalam program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) telah berjaya menarik minat pelajar terhadap sejarah dan dapat meneroka pengetahuan baru (Petah, 2019).

Hubungan antara sikap dengan minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium

Dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan antara sikap pelajar terhadap sejarah dengan minat dalam membuat lawatan ke muzium. Hal ini membawa maksud bahawa sikap pelajar tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Sejarah mempengaruhi minat mereka untuk membuat lawatan ke muzium. Bagi memberi kepentingan kepada pendidikan dan muzium, minat pelajar terhadap sejarah perlulah dipupuk supaya pelajar akan minat belajar sejarah dan berkunjung ke muzium. Muzium merupakan institusi yang mampu menyalurkan pendidikan

sejarah dengan efektif kerana berkeupayaan mempelbagaikan proses penyampaian maklumat (Mohd Azmi dan Miti Fateema Sherzeella, 2012). Muzium mempunyai kaitan yang erat dengan pendidikan kerana koleksi yang ada di muzium akan mampu memberikan gambaran yang jelas untuk membantu proses pembelajaran sejarah. Justeru itu, dengan menarik minat pelajar terhadap sejarah akan menjadikan pelajar berkunjung ke muzium dan memberikan kebaikan kepada pelajar dan juga muzium.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pelajar lebih bersikap positif untuk belajar sejarah melalui lawatan ke muzium. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran sejarah masih lagi di tahap yang sederhana. Walaupun pelajar menyedari bahawa mata pelajaran Sejarah adalah penting namun masih terdapat pelajar yang tidak minat untuk belajar sejarah. Melalui kaedah lawatan ke muzium minat pelajar mungkin dapat ditingkatkan memandangkan skor minat pelajar dalam membuat lawatan ke muzium adalah tinggi. Justeru, para guru hendaklah mengambil inisiatif untuk menjadikan kaedah pengajaran dan pembelajaran menerusi lawatan ke muzium dalam mata pelajaran Sejarah sebagai satu kaedah yang berkesan bagi meningkatkan minat dan motivasi pelajar. Selain itu, para guru juga hendaklah sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pelajar sentiasa minat untuk belajar sejarah. Kreativiti guru dalam pengajaran sejarah akan mempengaruhi sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot, Zuraidah Hassan & Yusmilayati Yunos. (2010). Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal. *Jurnal Melayu* (5): 285-293.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1999). *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahamad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razaq Ahmad, Zahara Aziz & Sharifah Nur Puteh. (2011). Kurikulum Sejarah ke arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Latihan MARA* 3(1): 1-17.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (1)(2009): 53-66.
- Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Salleh. (2009). Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. (dalam). Abdul Razaq & Isjoni. *Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*. Penerbitan Bersama: Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pekan Baru Indonesia Universitas Riau.
- Cropley, A. J. (1992). *More Ways Than One: Fostering Creativity*. New Jersey: Ablex Publishing Corporation.
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, E. W. (2006). *How to Design and Evaluate Research in Education*. Boston MA: McGraw-Hill.
- Johari Hassan & Fazliana Rashida. (2011). Penggunaan ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di kalangan Pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education* (4): 22-37.
- Krejcie, R. V & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.

- Lasky, D. (2009). Learning from Objects: A Future for 21st Century Urban Arts Education. *Perspectives on Urban Education*: 72-76.
- Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 3(2): 137-145.
- Mansor Mohd. Noor & Khairul Ghufuran Kaspin. (2015). Keberkesanan Mata Pelajaran Sejarah dalam Membina Etos Bangsa Generasi Muda di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas*: 29-46.
- Mohd Azmi Mohd Yusof & Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff. (2012). *Muzium sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal dalam Pengajaran & Pembelajaran Subjek Sejarah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh & Ariegusrini Agus. (2009). Kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah: Kepentingan dan Strategi. dlm. Abdul Razaq Ahmad and Isjoni, *Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah*. Penerbitan bersama Fakulti Pendidikan UKM dan FKIP Universitas Riau Indonesia: 127-138.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keempat. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharudin. (2012). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *JEBAT Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 39 (2)(2012): 116-141.
- Muhd. Yusuf Ibrahim. (1994). Kepentingan Sejarah kepada manusia dan Negara. *JEBAT Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 22: 25-48.
- Neuman, W. L. (1991). *Social Research Methods*. Boston: Allyn and Bacon.
- Norliza Abdul Majid. (2003). Sikap Pelajar Tingkatan Empat terhadap Mata Pelajaran Sejarah. *Kertas Projek Sarjana*. Universiti Malaya.
- Nor Hanisah. (2011). *Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman*. Jabatan Muzium Malaysia. Kuala Lumpur
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Third Edition. Allen & Unwin.
- Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan. (1992). *Sejarah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Petah Wazzan Iskandar. (2019). Muzium Pupuk Rasa cinta kepada Negara. *Berita Harian Online* 3 April 2019.
- Rabaishah Azirun. (1999). Tahap Penggunaan Multimedia di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Melaka Tengah, Melaka. *Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rupawan Ahmad. (1990). Sejarah, Masyarakat dan Pendidikan. *JEBAT Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 18: 59-69.
- Saedah Siraj & Ahmad Sabri Shuib. (2004). Preferen Pelajar terhadap Teknik Pengajaran Guru. *Jurnal Pendidikan* 2004 Universiti Malaya: 93-112.
- Sawyer, B. S. (1996). Coming of Age: An Assessment of the Status of Adult Education Methodology in Museum. *Tesis Dr. Fal*. Montana: Montana State University.
- Sharipah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia, 1957-1989. *Sejarah* 25(2): 40-57.
- Siti Suzainah Muhamad & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Pembelajaran Sejarah Menerusi Lawatan ke Muzium. *National Research Seminar* 2015. 9 Mei 2015. UPSI.

- Siva Sankar Mahalingam & Mohd Isa Hamzah. (2016). Penggunaan Kaedah Inkuiri Penemuan dalam kalangan Guru-guru Sejarah Sekolah Menengah. *Proceeding of ICECRS 1* (2016). 25-27 Oktober 2016. UUM.
- S. Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Isa Hamzah & Noor Wahida Hasan. (2017). Muzium sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Januari 2017 5(1): 19-30.
- Tika Ali Ashmad. (2018). Pengaruh Pengajaran Guru dan Sikap Akademik Pelajar terhadap KBAT dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* (2018): 161-169.
- Zahara Aziz & Nurliah Jair. (2009). Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2012): 3-15.

Penulis

Nur Syazwani binti Abdul Talib merupakan pelajar pascasiswazah peringkat Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

Kamarulzaman bin Abdul Ghani ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab dan Linguistik Arab. Beliau kini merupakan Timbalan Pengarah (Akademik dan Antarabangsa) di UMK.

Nur Azuki bin Yusuff ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Sains Sosial, Sejarah dan Peradaban, Pengajian Islam dan Sains Kemasyarakatan. Beliau kini adalah Ketua Kluster Penyelidikan Kontemporari Melayu di UMK.